

Peruntukan RM6.5j bangun tukun tiruan

HM 27/06/23 MIS 10

Marang: Jabatan Perikanan menerima peruntukan RM6.5 juta daripada kerajaan pusat bagi menjayakan program pembangunan dan pemantauan tukun tiruan di perairan Semenanjung dan Sabah untuk tempoh 2021 hingga 2023.

Ketua Pengarah Perikanan Datuk Adnan Hussain berkata untuk tahun ini, RM1.5 juta disediakan untuk melabuhkan 57 unit tukun tiruan penghalang pukat tunda *juvenile* (konservasi) di lima negeri membabitkan perairan Terengganu, Kelantan, Johor, Kedah dan Selangor.

"Setiap negeri memperoleh RM360,000 dengan bilangan tukun tiruan ber�antung kepada proses perolehan sebut harga dibuat.

"Sebenarnya kami peruntukkan tukun ini khusus bagi perairan pantai timur dan Johor timur serta utara pantai barat kerana perairan kita luas, di situ sekali gus sebagai usaha meningkatkan stok populasi ikan," katanya selepas program melabuhkan tukun tiruan di perairan Pulau Kapas di sini, kelmarin.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladaangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar ne-

geri Terengganu, Dr Azman Ibrahim.

Katanya, di Terengganu, Jabatan Perikanan memperuntukkan RM360,000 tahun ini bagi melabuhkan 12 unit tukun tiruan iaitu masing-masing enam di perairan Batu Buruk dan perairan Pulau Kapas.

"Hasil pelabuhan tukun ini membantu menangani isu kekurangan sumber perikanan dan pendapatan nelayan setempat serta dijangka memberi manfaat kepada 8,635 nelayan di negeri ini," katanya.

Sementara itu, Azman berkata, kerjasama di antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri sangat penting demi menjamin keberhasilan ekonomi sektor perikanan terutama di Terengganu yang mempunyai Zon Ekonomi Eksklusif seluas 87 kilometer persegi.

"Terima kasih kepada kerajaan Persekutuan yang setiap tahun salurkan antara RM250,000 ke RM300,000 kepada Terengganu untuk labuhkan tukun tiruan.

"Di peringkat kerajaan negeri, kami peruntukkan RM1 juta pada tahun lalu dan tahun ini bagi menghasilkan 41 unit tukun tiruan, dan ketika ini ia masih dalam proses perolehan," katanya.